

PELITA BAHASA MELAYU, buku tatabahasa dan latihan penggunaan bahasa Melayu. Buku ini dikarang oleh Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) dan diterbitkan oleh Pejabat Karang-Mengarang, Jabatan Pelajaran, Persekutuan Tanah Melayu. *Pelita Bahasa Melayu* Penggal I (PBM I) diterbitkan pada tahun 1940, *Pelita Bahasa Melayu* Penggal II (PBM II) pada tahun 1946 dan *Pelita Bahasa Melayu* Penggal III (PBM III) pada tahun 1947. Ketiga-tiga penggal itu telah dicetak semula oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, pada tahun 1962. Penggal I dicetak semula sebanyak tiga kali, dan yang terakhirnya pada tahun 1965.

PBM I diterbitkan lebih awal dalam tulisan Jawi, dengan tajuk *Ilmu Bahasa Melayu*, (Penggal I: Saraf dan Nahu Melayu). Naskhah ini diterbitkan oleh Pejabat Pelajaran Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, (No. 9 *The Malay School Series*). Cetakan pertama muncul pada tahun 1927.

Dalam menyediakan buku ini, Za'ba telah menyatakan pengaruh C.O. Blagden, O.T. Dussek, Mohd. Hashim bin Haji Talib, dan R.O. Winstedt terhadapnya, semasa dia bertugas di School of Oriental and African Studies, London. Blagden telah memberi banyak ulasan kepada naskhah asalnya iaitu *Pelita Mengarang*. Winstedt pula telah membaca dan memberi ulasan kepada naskhah tulisan tangannya. Buku ini terbahagi kepada dua bahagian: pertama, "Saraf dan Nahu Melayu", dan kedua, "Ilmu Mengarang dalam Bahasa Melayu". Bahagian pertama mengandungi huraian tentang bunyi, ejaan dan imbuhan dan ayat dalam bahasa Melayu. Bahagian kedua mengandungi perihal mengarang dan latihan yang berkenaan. Buku ini dikarang untuk pelajar dan pengkaji bahasa Melayu.

Antara tahun 1934 hingga tahun 1936, Za'ba telah menyesuaikan kitab *Ilmu Bahasa Melayu* menjadi *Nahu Melayu*. Walau bagaimanapun, penulisan buku ini tidak sempurna, dan usaha itu hanya dapat disambung semula dan diselesaikan pada tahun 1940. Dalam pendahuluannya, Za'ba menyatakan buku itu "mengaturkan kaedah nahu Melayu dengan keadaan yang lebih lengkap. Aturan rangkanya banyak ditirukan kepada aturan nahu Inggeris dan sedikit-sedikit nahu Arab. Tetapi isi yang memenuhi rangka itu semua dipadankan dengan pembawaan tabiat sejati bahasa Melayu dan dengan kaedah-kaedahnya yang khas tersendiri daripada bahasa-bahasa

lain". Ini jelas menunjukkan hasrat dan kemampuan Za'ba menyesuaikan kerangka nahu bahasa Inggeris untuk bahasa Melayu. Buku ini menjadi teks pelajar Darjah Satu sekolah Melayu.

Pelita Bahasa Melayu Penggal I (PBM I) mengandungi 26 bab. Bab 1 dan 2 membincangkan vokal dan konsonan dalam bahasa Melayu. Bab 3 dan 4 membincangkan huruf dan ejaan Jawi, dan Bab 5 dan 6 fasal ejaan Rumi. Bab 7 hingga 11 membincangkan golongan kata: nama, perbuatan, sifat, sendi dan seruan. Bab 12 dan 13 membincangkan fasal imbuhan dan fungsi serta makna imbuhan tersebut. Bab 14 hingga 16 menghuraikan kaedah rangkai kata dan ayat, serta pembinaan ayat tunggal dan majmuk.

Sejak diterbitkan pada tahun 1940 hingga tahun 1960-an, PBM I sangat berpengaruh sebagai nahu pedagogi ulung bahasa Melayu. Kejelasan huraian dan manfaat latihan yang disertakan telah menyebabkan PBM I ini bertahan begitu lama, dan memberi pengaruh yang masih kekal hingga ke hari ini. *Tatabahasa Dewan I* (TBD I) dalam pendahulunya telah menyatakan bahawa TBD I tidak banyak berbeza daripada PBM I. Selain peristilahan yang berbeza, penggolongan kata, huraian pengimbuhan, binaan ayat, dan penggabungan ayat, idea dalam PBM I memang ketara dalam TBD I.

Pelita Bahasa Melayu Penggal II (PBM II) merupakan sambungan kepada PBM I, bagi mengisi bahagian untuk karang-mengarang dan latihan lanjut tentang tatabahasa. Buku ini dikarang untuk Darjah Dua, Tiga dan Empat sekolah Melayu pada masa itu, tetapi digunakan untuk sekolah menengah apabila pendidikan menengah berkembangan selepas merdeka. Seperti PBM I, buku ini juga merupakan sebuah bahan pedagogi bahasa Melayu yang ulung dan berpengaruh sejak terbitnya hingga ke tahun 1960-an.

PBM II terdiri daripada 12 bab. Bab 1 mengandungi kaedah membina ayat-ayat tunggal yang mudah dengan mencerakin bahagian-bahagiannya. Bab 2 menghuraikan ayat positif (ya) dan ayat negatif (nafi). Bab 3 menghuraikan pembinaan ayat, dan penyambungannya. Bab 4 meneruskan perbincangan penyambungan dan penggabungan ayat, selapis menjadi berlapis dan bercampur untuk menjadi paragraf/perenggan. Tanda baca/berhenti dibincangkan dalam Bab 5 dan 6. Bab 7 memberi huraian dan latihan tentang cakap ajuk dan cakap pindah. Bab 8 memberi huraian permulaan mengarang, dan disambung dengan latihan lanjut dalam Bab 9. Bab 10 memberi penjelasan kepada bentuk perenggan sebagai kesatuan fikiran dan diikuti dengan latihan. Bab 11 memberi perhatian kepada perkataan pembatas karangan sebagai permula perenggan, dan Bab 12 memberi tumpuan kepada penghabis atau penutup karangan. Buku ini diakhiri dengan lampiran yang berupa cerita pendek yang mudah sebagai contoh karangan.

Pelita Bahasa Melayu Penggal III (PBM III) merupakan jilid terakhir PBM. Ternyata buku yang dikarang antara tahun 1946 hingga tahun 1947 ini merupakan lanjutan kepada PBM II untuk memperlengkap bahagian karang-mengarang yang tidak dapat ditangani dalam PBM II, walaupun dalam pengenalan PBM I, Za'ba menjangka



Pelita Bahasa Melayu

hanya dua penggal akan mencukupi. Buku ini ditulis untuk Darjah Lima, Enam, Tujuh dan Tahun Satu Maktab Perguruan pada masa itu. Buku ini mengandungi 25 bab dan semuanya mengkhusus kepada hal karang-mengarang, dan diselang-seli dengan perbincangan tentang kesalahan dan pembetulan bahasa. Bab 1, 2 dan 3 membincangkan kaedah mengarang dan kesalahan-kesalahannya dan Bab 4, 5 dan 6 membincangkan cara memakai ganti nama, kata kerja, dan beberapa kata tugas. Bab 7 dan 8 membincangkan kesalahan dalam mengarang dari segi tatabahasa dan penggunaan kata. Bab 9, 10 dan 11 membincangkan cara-cara menggunakan pantun, syair dan unsur-unsur ungkapan indah dalam mengarang. Bab 12 dan 13 membincangkan fasal surat kiriman dan jenis-jenisnya. Bab 14 memberi suatu aspek baharu, iaitu memahami dan merumus semula karangan. Ini diikuti dengan Bab 15 yang mengandungi teladan karangan. Buku ini diakhiri dengan lampiran penting untuk guru, dengan membincangkan cara mengajar karangan rencana.

Ketiga-tiga penggal PBM ini merupakan suatu bahan pedagogi yang lengkap bagi bahasa Melayu pada masa itu. Olahan dan huraianya mudah dan jitu bagi memudahkan pembelajaran. PBM sentiasa menjadi asas kepada usaha kajian tatabahasa, dan pengajaran bahasa yang dijalankan selepasnya. Hanya selepas tahun 1960-an, baru timbul usaha untuk memperbaharui tatabahasa Melayu, malah sebelum terbitnya *Tatabahasa Dewan I* (1987) dan *Tatabahasa Dewan II* (1989), PBM merupakan tatabahasa yang menjadi pegangan bagi mengajar bahasa Melayu.